



29 JUN, 2022

Rakyat Jepun diminta jimatkan tenaga elektrik

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Rakyat Jepun diminta jimatkan tenaga elektrik

TOKYO: Kerajaan Jepun memberi amaran kepada jutaan penduduk di Tokyo untuk menjimatkan tenaga atau berdepan risiko bekalan elektrik akan diputuskan.

Lapor *The Guardian*, amaran itu susulan kawasan ibu negara merekodkan suhu yang panas bulan ini selepas berahirnya musim hujan.

Agensi Meteorologi Jepun meramalkan suhu 35 darjah Celcius di bandar sepanjang hari, dengan cuaca ekstrem yang sama sepanjang minggu ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kabinet, Yoshihiko Isozaki meminta orang ramai mengurangkan penggunaan tenaga pada waktu petang apabila nisbah rizab jatuh.

Beliau menasihatkan isi rumah dan premis perniagaan menutup lampu yang tidak digunakan dan mengehadkan penggunaan penghawa dingin serta berwaspada terhadap strok haba.

Dalam pada itu, Kementerian Ekonomi dan Industri

berkata, penduduk di wilayah Tokyo Electric Power perlu menjimatkan tenaga terutamanya apabila permintaan memuncak pada lewat petang dan awal malam.

Laporan menunjukkan kapasiti penjanaan rizab berisiko jatuh serendah 3.7 peratus di Tokyo dan kawasan sekitarnya di bawah tiga peratus berisiko kekurangan kuasa dan terputus bekalan elektrik.

Pengarah Dasar Bekalan Elektrik di kementerian itu, Kaname Ogawa berkata, permintaan elektrik lebih tinggi daripada jangkaan kerana suhu melebihi ramalan, Ahad lalu.

“Kami dilanda panas luar biasa bagi musim ini. Sila bekerjasama dan jimat kuasa sebanyak mungkin,” katanya.

Kebanyakan kawasan di Jepun akan mengalami suhu yang kurang selesa semasa pertengahan musim hujan.

Isnin lalu, agensi itu mengisyitiharkan musim tersebut berakhir yang merekodkan paling awal di rantau Kanto termasuk Tokyo.



PENGUNJUNG duduk di bangku semasa musim panas di taman Yoyogi, Tokyo. - AFP